

Jawapan kepada soalan melalui slido ([www.sli.do](http://www.sli.do)) sewaktu Program Perak Festival Of Ideas – **Transformasi Pentadbiran Tanah Dan Mineral Ke Arah Peningkatan Kualiti Penyampaian** pada 7 September 2017 bertempat di Ipoh Convention Centre (ICC).

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Berapakah jumlah kutipan hasil tanah negeri Perak bagi tahun 2016?	Jumlah kutipan hasil tanah pada tahun 2016 adalah sejumlah RM 626.053 juta
2	Berapakah hasil tahun 2016?	Jumlah kutipan hasil tanah pada tahun 2016 adalah sejumlah RM 626.053 juta
3	Berapakah hasil kutipan tanah di negeri Perak tahun 2016?	Jumlah kutipan hasil tanah pada tahun 2016 adalah sejumlah RM 626.053 juta
4	Jumlah keluasan ekar negeri Perak?	Keluasan tanah Negeri Perak adalah 29,905,567.03 ekar (2,102,353.60 hektar)
5	What is the function of Pejabat Pengarah Tanah dan Galian?	Tuan boleh melayari laman web portal PTG Perak <a href="http://ptg.perak.gov.my/">http://ptg.perak.gov.my/</a>
6	Berapa banyak lagi kouta tanah untuk bumiputra negeri Perak?	Bagi Skim Perumahan, jumlah penentuan Kuota Bumiputera adalah mengikut keputusan yang diputuskan melalui Perjumpaan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perak (MMK).
7	Lab 1 kat mana ye?	Hall 3, Aras 4
8	Dalam sistem pendaftaran tanah berkomputer didapati sek. 5A(4) KTN telah diabaikan..... Mengapa?	Soalan ini tidak jelas, walaubagaimana pun sek. 5A(4) masih terpakai.
9	Has the state govt identified new source of income other than land related income?	The state though depends on land related revenue, a few new sources such as water resources, and taxation of natural resources utilised has been identified rather than depending on a few old common revenue.

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
10	It seems that the state depends highly on land related revenue. Has the state govt identified any new source of income?	The state though depends on land related revenue, a few new sources such as water resources, and taxation of natural resources utilised has been identified rather than depending on a few old common revenue.
11	Does the reduction of 4C permits have anything to do with MB Inc?	Tidak. Pengurangan ini berlaku antaranya kerana rizab bahan batuan seperti pasir sungai/lombong atau silika telah berkurangan. Selain itu, ia adalah dasar kerajaan untuk mengawal pengeluaran ini serta MBInc membantu pentadbiran tanah bagi tujuan penyelarasan dan pemudahcara dalam pengawalan ini.
12	Kutipan sasaran bagi bahan batuan dan bahan mineral utk tempoh 2012-2016	2012 - RM 54.616 juta / 2013 - RM 48.620 juta / 2014 - RM 85.295 juta / 2015 - RM 95.540 juta / 2016 - 100.144 juta
13	Bagaimana PTG ingin menambahbaik penyelarasan pelaksanaan peraturan tanah di Pejabat Tanah yang mengamalkan budaya berbeza dan akhirnya mengelirukan rakyat	Untuk makluman, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak dari masa ke semasa sentiasa mengemaskini garis panduan dan peraturan dalam pentadbiran tanah mengikut keputusan dan dasar terkini kerajaan negeri, dengan mengeluarkan pekeliling dan surat arahan untuk digunakan oleh seluruh pentadbiran tanah negeri Perak. Sehubungan dengan itu naziran audit diadakan secara berkala bagi memastikan proses kerja pentadbiran tanah di daerah dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.Selain itu, semua pejabat tanah juga telah memperolehi sijil MS ISO 9001:2008 bagi memastikan semua permohonan diproses dalam tempoh yang munasabah.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
14	Sejauhmana tanah rezab melayu terpelihara?	Berdasarkan wasiat, Duli-Duli Yang Maha Mulia Sembilan Raja-Raja Melayu sebagai Raja Pemerintah Negeri 'Negeri Melayu Bersekutu' & 'Negeri Melayu Tidak Bersekutu' menetapkan bahawa supaya menyimpan Tanah Simpanan Melayu sehingga nisbah 50%.  Di Perak sehingga Tahun 2017 sebanyak 45.30% Rizab Simpanan Melayu telah dikekalkan, dari masa ke semasa PTG akan berusaha untuk menambah keluasan rizab melayu sehingga 50% sebagai mana khendak wasiat Raja-Raja Melayu tersebut.
15	Nak tanya.... sistem ikatan tu adakah sistem Islam.	Soalan berbentuk akademik. Perlu rujuk kepada USAS.
16	Burial act . boleh terangkan secara details	Di luar bidang kuasa pentadbiran tanah.
17	Adakah akta pengambilan balik tanah tu memaksa tuan tanah supaya beri tanah kepada kepada kerajaan.walaupun tuan tanah tak bersetuju.	Ya. Dibawah Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 Kerajaan boleh memperolehi mana-mana tanah milik secara paksa, walaupun tuan tanah tidak bersetuju. Namun pampasan yang mencukupi akan dibayar kepada pemilik tanah sebagai ganti rugi.
18	Berapakah jumlah pampasan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi kesalahan akibat kecuaian dalam pengurusan tanah?	SULIT
19	Seksyen 340(3)... buyer tanah di pertahankan.bagaimana pula kalau pegawai yang terbabit dgn kes ini (tersilap) di pertahanankan. contoh tandatangan borang 14A.	Pendaftar akan mendaftar perserahan sekiranya didapati perserahan tersebut lengkap dan teratur. Seksyen 22 KTN adalah dirujuk.

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
20	Boleh megenakan cukai tanah mengikut harga pasaran tanah semasa dan guna tanah di lapangan.	SOALAN TIDAK JELAS
21	Pandangan keperluan menempatkan Penolong Pentadbir Tanah yang telah menjalani latihan intensif di Pejabat Tanah dan PTG dan dilaksanakan program mentor-mentee.	PTG amat berterima kasih dengan cadangan yang diberikan. Untuk makluman tuan/puan, pihak pentadbiran telah merancang beberapa kursus dan latihan untuk meningkatkan kompetensi pegawai.
22	Bagaimana boleh saya mendapat tanah anugerah kerajaan negeri? Saya anak jati ng perak dan telah lebih 30 berkhidmat di ng perak.	Untuk makluman, bagi prosedur permohonan tanah kerajaan pihak tuan perlu memohon melalui Borang Jadual 1 di Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan.
23	Kenapa dibuat separate parallel session untuk mini lab yang tidak memungkinkan peserta dapat sertai semua mini lab yang isunya berbeza?	Kerana faktorkekangan masa tidak memungkinkan semua sesi diadakan secara berasingan.
24	Berapakah peratusan rekod pemilikan tanah bumiputera dalam negeri perak keseluruhannya.	SULIT
25	Jawapan kepada setiap soalan boleh disemak mulai 9 september 2017 di website.	<a href="http://ptg.perak.gov.my">http://ptg.perak.gov.my</a>
26	Tnh Rizab Melayu yg dahulunya milik syrkt bumi dan kini menjadi milik non bumi setelah syrkt tersebut dibeli oleh non bumi..bagaimana kerajaan mengawal isu ini?	Kawalan ke atas tanah rizab Melayu adalah melalui endorsan ke atas hakmilik di bawah seksyen 4 dan seksyen 6 Enekmen Rizab Melayu.
27	KTN brlandaskan sistem Torren.negara kita menuju ke arah islamisasi.Boleh tak KTN ni di ubahsuaikan cara Islam.	Boleh, apabila ada kelulusan 2/3 majoriti daripada parlimen.

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
28	Bagaimana MB Consent mengawal pemilikan tanah melayu kerana pelaksanaannya xkemas apabila permohonan rayuan disokong&akhirnya lulus kpd bkn melayu?	setiap permohonan kebenaran pihak berkuasa negeri yang melibatkan pindah milik daripada melayu kepada bukan melayu adalah ditolak, namun rayuan boleh dibuat oleh pemohon dan keputusan adalah tertakluk kepada pertimbangan PBN setelah meneliti rayuan tersebut dan laporan tanah semasa.
29	It's not a question but a compliment to Mr.Sivanesan a/l Govindasamy. The 4th presenter @ mini lab 1... Topic:Customer is our hero presentation ...	TQ it's part of our duty as government officer
30	Bagaimana untuk menguruskan tanah yang di bawah kuasa mutlak Pentadbir Tanah dan PTG tanpa campur tangan politik dan mengikut peraturan?	Sememangnya tiada campur tangan politik kerana urusan pentadbiran tanah ini dijalankan berdasarkan lunas undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
31	Penilaian peserta kursus dibuat secara keseluruhan sedangkan sertai 1 lab sahaja.	
32	Latihan secara intensif perlu di adakan bagi so-so untuk tujuan kenaikan pangkat selama dua minggu	PTG amat berterima kasih dengan cadangan yang diberikan. Untuk makluman tuan/puan, pihak pentadbiran telah merancang beberapa kursus dan latihan untuk meningkatkan kompetensi pegawai.
33	Mohon pihak penganjur "upload" semua slaid-slaid pembentangan pada hari ini diweb PTG Perak untuk rujukan.	Boleh layari portal PTG Perak <a href="http://ptg.perak.gov.my/ptgperak/index.php/uncategorised/562-transformasi-pentadbiran-tanah-dan-mineral-ke-arah-peningkatan-kualiti-penyampaian">http://ptg.perak.gov.my/ptgperak/index.php/uncategorised/562-transformasi-pentadbiran-tanah-dan-mineral-ke-arah-peningkatan-kualiti-penyampaian</a>
34	PTG boleh lantik jawatankuasa PTG pantau apa jadi pada Kiosk dgn Kperak jangan sampai membazirkan wang rakyat switch on pun tidak.	Terima kasih atas cadangan dan PTG mengambil maklum cadangan tersebut.

<b>NO.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
35	Bagaimana untuk mengawal salahlaku kakitangan Pejabat Tanah yang terlibat dengan kes meminta atau menerima duit kop memproses permohonan termasuk PTG.	pentadbiran tanah negeri perak sentiasa memastikan anggota-anggota nya dilengkapi dengan pengetahuan mengenai kesalahan salahlaku dengan mengadakan Ikrar Bebas Rasuah bersama pihak SPRM, mengenakan tindakan tatatertib, mengadakan kempen kesedaran seperti kursus integriti dan ceramah agama serta menjaga kebajikan mereka.
36	MB consent dibuat dalam tempoh 2 minggu.	ya, bagi kes-kes yang tiada tindakan susulan dan mempunyai dokumen yang lengkap.
37	Berapakah hasil bahan batuan & mineral negeri perak mengikut tahun (2012-2016)	2012 - RM 84.046 juta / 2013 - RM 91.455 juta / 2014 - RM 98.829 juta / 2015 - RM 107.638 juta / 2016 - RM 125.881 juta